



PERBENDAHARAAN MALAYSIA SARAWAK  
TINGKAT 16, BANGUNAN SULTAN ISKANDAR,  
JALAN SIMPANG TIGA,  
93592 KUCHING,  
SARAWAK.

Telefon : 082-421333/421755/425154 (Pejabat AM)  
Faks : 082-424489  
E-mel : [pmswk@treasury.gov.my](mailto:pmswk@treasury.gov.my)  
Laman Web : <http://pmsarawak.treasury.gov.my>

Rujukan Kami : PKP(S)124Jld10( 61 )

Tarikh : 17 Oktober 2018  
8 Safar 1440H

Semua Ketua Jabatan Persekutuan, Sarawak

Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan, Sarawak

YBhg. Datuk/Datu/Dato'/Tuan/Puan,

**Surat Makluman Tatacara Perolehan Kontrak Pusat Perbendaharaan Malaysia Sarawak - Membuat, Membekal, Menghantar Dan Memasang Perabot Jenis Logam**

---

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Seperti sedia maklum, kontrak pusat bagi item logam masih dalam proses pemenuhan maklumat kontrak dalam sistem ePerolehan. Perbendaharaan Malaysia Sarawak (PMS) telah menerima kelulusan daripada Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) melalui surat rujukan: K.KEW/PK/MOF/ePP1/59/158(13) bertarikh 16 Oktober 2018 berhubung tatacara perolehan kontrak pusat bagi perabot logam.

3. MOF bersetuju memberi kelulusan kepada semua **Pusat Tanggungjawab (PTJ)** di Sarawak untuk melaksanakan perolehan kontrak pusat bagi Membuat, Membekal, Menghantar Dan Memasang Perabot Jenis Logam dengan menggunakan **Sistem iGFMAS sehingga 31 Disember 2018** tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- i. PTJ dikehendaki mendapatkan bekalan daripada pembekal kontrak pusat yang telah dikenalpasti sahaja sepertimana dalam Surat Pekeliling Kontrak PMS Bil 1/2018 (Perabot Logam);
- ii. Tiada perubahan spesifikasi, harga dan zon seperti yang telah ditetapkan oleh pekeling PMS Sarawak yang berkaitan;
- iii. Peruntukan bagi perolehan yang ingin dibuat adalah mencukupi dan telah diluluskan oleh Pegawai Pengawal; dan

iv. Kelulusan ini untuk kali ini sahaja dan tidak boleh dijadikan rujukan bagi perolehan seumpamanya pada masa hadapan.

4. Walau bagaimanapun, sekiranya maklumat kontrak pusat tersebut berjaya dimuatnaik lebih awal daripada tarikh tersebut, maka sistem eP hendaklah digunakan sepenuhnya. PMS akan memaklumkan perkara ini dari masa ke semasa.

Sekian. Terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(MOHD SAIFUL SUNGKIH BIN ABDULLAH)**

Pegawai Kewangan Persekutuan Sarawak,  
Perbendaharaan Malaysia Sarawak.

Tel. : 082-421333 samb. 100

Faks : 082-421489

Emel : [sungkih@treasury.gov.my](mailto:sungkih@treasury.gov.my)

s.k Jabatan Akauntan Negara Malaysia, Cawangan Sarawak  
Jabatan Akauntan Negara, Cawangan Sri Aman  
Jabatan Akauntan Negara, Cawangan Sarikei  
Jabatan Akauntan Negara, Cawangan Kapit  
Jabatan Akauntan Negara, Cawangan Sibu  
Jabatan Akauntan Negara, Cawangan Bintulu  
Jabatan Akauntan Negara, Cawangan Miri  
Jabatan Akauntan Negara, Cawangan Limbang